

TEKS UCAPAN  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

BERSEMPENA DENGAN KEMASUKAN PELAJAR SESI PENGAJIAN  
2010/2011 KE KAMPUS ALAM  
PADA 28 DISEMBER 2009

**Bismillah Hirrahman Nirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan  
Salam 1Malaysia.**

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib  
Canselor (Penyelidikan dan Inovasi),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti,

Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan,

Wakil-Wakil Media yang dikasihi,

Kakitangan dan Para Pelajar UniMAP seterusnya hadirin yang  
hormati sekalian,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T di atas rahmat dan inayahnya dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini dalam satu suasana yang pastinya sangat bermakna buat kita sebagai warga Universiti Malaysia Perlis.

Impian kita untuk memiliki kampus tetap semakin hampir menjadi kenyataan. Walaupun baru dua pusat pengajian siap di bina, namun ianya sesuatu yang amat bermakna dan bersejarah buat kita semua. Semestinya 2 November 2009 lalu merupakan satu tarikh keramat yang tercatat dalam diari UniMAP untuk selamanya apabila dua pusat pengajian iaitu **Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik Dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan telah berpindah Ke Kampus Tetap Ulu Pauh**. Perpindahan yang melibatkan kakitangan pentadbiran dan akademik telah dilakukan secara berperingkat. Sebelum ini kedua-dua pusat pengajian ini ditempatkan di Taman Muhibbah, Jejawi. Pembinaan dua pusat pengajian ini mula dijalankan pada 2007 dan siap dibina sepenuhnya pada ogos baru-baru ini.

Hari ini sekali lagi menjadi detik bermakna kerana para pelajar untuk kedua-dua pusat pengajian ini sudah kembali bagi meneruskan sesi pengajian 2010/2011 yang bermula hari ini. Sesungguhnya kehadiran tahun baru 2010 bakal menjadikan permulaan yang bermakna buat para pelajar PPK Pembuatan dan PPK Mekatronik dalam menempuhi kehidupan di kampus tetap ini.

Untuk makluman semua, saya amat berpuas hati dengan persiapan yang telah dilaksanakan dalam memastikan semua bilik kuliah serta makmal dapat digunakan dengan selesa apabila bermula sesi pengajian 2010/2011 ini. Ini bertujuan untuk memberikan keselesaan yang terbaik kepada para pelajar untuk menempuhi alam pembelajaran dengan sebaiknya tanpa sebarang gangguan dan kekurangan. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh semua kakitangan pentadbiran dan akademik amatlah saya hargai.

Hadirin hadirat sekalian,

Walaupun hanya dua pusat pengajian yang beroperasi, namun pelbagai kemudahan infrastruktur telah di sediakan antaranya adalah dewan kuliah, makmal, mini perpustakaan, surau, kafetaria untuk kedua-dua PPK, kemudahan Wifi dan tidak ketinggalan kita juga turut menempatkan One Stop Center untuk memudahkan setiap urusan para pelajar dimana mereka tidak lagi perlu ke Kangar atau Kuala Perlis untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Di One Stop Center kita menempatkan Jabatan Pendaftaran, Jabatan Pembangunan, Jabatan Keselamatan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Bendahari, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan lain-lain unit yang terlibat.

Selain itu, para pelajar juga tidak perlu kuatir untuk berulang dari kolej kediaman yang terletak di Kuala Perlis dan Wang Ulu, kerana perhidmatan bas turut disediakan untuk menghantar dan

mengambil pelajar sepanjang kelas berlangsung. Semua ini adalah langkah universiti dalam memastikan kebajikan dan keperluan semua warga UniMAP di Kampus Alam ini sentiasa terjamin.

Suka saya ingatkan kepada para pelajar yang membawa kenderaan sendiri agar lebih berhati-hati dan rancanglah dengan sebaik mungkin untuk datang awal ke kelas agar anda tidak terkejar-kejar menghadiri kuliah. Ini bagi menjamin keselamatan semua untuk tiba dengan selamat.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

Saya percaya dengan beroperasinya dua pusat pengajian ini akan menjadikan UniMAP lebih efektif dan selain kuliah, mesyuarat yang melibatkan pihak luar juga akan dibuat di sini agar kampus ini dapat dimanfaatkan sebaiknya. Saya yakin usaha untuk menggalakkan pertambahan penuntut dalam bidang kejuruteraan bagi mencorakkan hala tuju pembangunan negara akan mudah dicapai dan pemindahan dua pusat pengajian ini merupakan satu transformasi baru buat UniMAP dalam rangka melahirkan jurutera yang cemerlang dan mampu menembusi pasaran kerja masa kini serta selaras dengan hasrat kerajaan yang mahukan Malaysia mempunyai jurutera yang berdaya saing dan berinovatif.

Suka saya ingatkan kepada para pensyarah, para pentadbir dan juga siswa-siswi yang bakal memulakan kehidupan baru mereka di Kampus Alam ini agar sama-sama memberikan komitmen yang terbaik dalam membangunkan dan mempertahankan UniMAP sebagai sebuah IPTA yang unggul dan gah di persada dunia.

Saya berharap semua pihak harus bertekad memainkan peranan masing-masing untuk mempertingkatkan lagi mutu dan hasil kerja UniMAP. Jadilah golongan pencipta, pakar, dan pembentuk ilmu serta kemahiran baru - "creators of new knowledge and new skills for the 21st century" - agar kita dapat menangani era digital, era k-ekonomi, dan era globalisasi dengan berkesan. Jadikan UniMAP antara institusi yang terulung di persada pendidikan serta penyelidikan serantau dan antarabangsa.

Sementara itu, saya percaya dengan siapnya dua pusat pengajian ini akan memberi sumbangan yang begitu besar, bukan sahaja kepada warga universiti ini, bahkan kepada pembangunan pengajian tinggi negara juga. Dengan kewujudan ini, akan bertambahlah lagi peluang-peluang bermutu untuk anak bangsa melanjutkan pelajaran mereka, dan seterusnya memajukan diri, masyarakat, bangsa dan negara.

Buat anak didik yang saya kasihi sekalian, besarlah harapan saya agar anda semua lebih bersemangat untuk menuntut ilmu dengan

bersungguh-sungguh demi memastikan masa depan yang terjamin. Selain itu secara tidak langsung dapat mengubah nasib keluarga tercinta. Ingatlah harapan dan impian ibu bapa anda adalah untuk melihat anak-anak mereka berjaya dan memiliki segulung ijazah yang sudah pastinya mampu menerangi kehidupan anda dalam mengharungi zaman yang penuh cabaran kelak.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sempena tahun baru yang bakal tiba beberapa hari lagi saya berharap dengan permulaan dua pusat pengajian ini bakal memberikan lebih kejayaan dan kegemilangan dalam menjadikan UniMAP lebih cemerlang dalam melahirkan jurutera yang memiliki modal insan kamil. Semoga negara kita akan lebih kaya dengan modal insan yang mampu merealisasikan hasrat dan cita-cita negara agar terus cemerlang, gemilang dan terbilang di mata dunia.

Akhir sekali, dikesempatan ini juga marilah sama-sama kita berkongsi kesedihan bersama kedua-dua keluarga pelajar kita yang terlibat dalam satu kemalangan ngeri yang meragut 10 nyawa apabila sebuah bas dua tingkat terbabas dan melanggar pembahagi jalan di kawasan itu awal pagi Sabtu lalu di lebuh raya Utara Selatan dekat Ipoh. Bas berkenaan dalam perjalanan menuju ke utara. Mereka adalah Mohd Syukri Mohd Ali, Pelajar PPK Komputer dan Mohd Bilal Osman Pelajar dari PPK Alam Sekitar. Al-Fatihah...

Semoga roh mereka dicucuri rahmat.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh